

MUHAMMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY: ANALISIS SUMBANGANNYA DALAM PENULISAN
(Muhammad Uthman El-Muhammady: Analysis on His Contribution to Writing)

Aizan Ali Mat Zin* & Siti Hajar Aziz**

Abstrak

Artikel ini mengkaji biodata Muhammad Uthman El-Muhammady. Ia menyelusuri fasa-fasa sejarah kehidupan beliau yang merangkumi perjalanan ilmu, dan kerjaya. Kaedah dokumentasi dan kaedah temubual diaplikasikan untuk mengutip data-data penulisan tokoh dan pengumpulan data-data latarbelakang tokoh. Data-data tersebut dianalisa menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif serta analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa sumbangan penulisan beliau adalah signifikan dalam bidang agama dan pemikiran. Walaupun kajian ini berbentuk kualitatif namun berjaya menghasilkan data-data kuantitatif yang dipaparkan dalam bentuk jadual, graf dan carta. Kesimpulannya, sumbangan beliau membuktikan bahawa tradisi ulama yang meninggalkan karya-karya ilmiah masih diwarisi sehingga abad ke 21.

Kata kunci: Kajian Tokoh, Historiografi Islam, Tamadun Islam, Malaysia

Abstract

This article studies biography of Muhammad Uthman El-Muhammady by exploring historical phases of his life from educational bedrock to career pathway. Method of documentation were used to gather data on his biography, writings and authorship in addition to method of interview. Data were analysed by inductive, deductive, comparative and content analyses. Findings exhibit his contributions to writing are indisputable and significant in religious matters and thinking. This study is qualitative yet generated quantitative data which is presented in table, graft and pie chart. In conclusion, his contributions proved that he had prolonged the tradition of inheriting knowledge through the medium of writing by previous Muslim scholars, towards 21st Century.

Keywords: Biographical Study, Muslim Historiography, Islamic Civilization, Malaysia

Pengenalan

Muhammad Uthman El-Muhammady adalah seorang sarjana Malaysia yang aktif dalam bidang penulisan. Pencarian data karya penulisan Muhammad Uthman El-Muhammady, mendedahkan bahawa terdapat seorang penulis Indonesia yang hampir sama nama iaitu Teuku Muhammad Usman El-Muhammady seorang wartawan dan penulis yang telah menghasilkan lebih daripada 100 buah buku. Beliau sangat berminat kepada manusia dan sosiologi. Kebanyakan karya-karyanya membincangkan tema tersebut. Antara bukunya 'Islam Dipeladjar dari Segi Sosiologi' terdapat di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Muhammad Uthman El-Muhammady dan Teuku Muhammad Usman El-Muhammady adalah dua orang penulis yang berbeza namun berkongsi minat terhadap Islam dan kemasyarakatan.

Kajian tokoh ini menumpukan kepada sumbangan beliau dalam bidang penulisan. Walau bagaimanapun, artikel ini turut mengutarakan latarbelakang tokoh secara ringkas dalam usaha mendedahkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan intelektual beliau.

Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif dan menghasilkan data-data kuantitatif dalam laporan analisis dan penemuan baru. Kajian ini menggunakan dua kaedah: kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kaedah pengumpulan data ada dua iaitu dokumentasi dan temubual. Kedua-dua kaedah ini diaplikasi untuk mengutip data-data primer dan sekunder berkaitan penulisan tokoh dan latarbelakang tokoh. Data-data primer diperolehi daripada buku-buku dan hasil karya tokoh. Data-data tersebut dianalisa menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif serta analisis kandungan.

* Aizan Ali Mat Zin (corresponding author), Senior Lecturer, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia. Email: aizan@um.edu.my.

** Siti Hajar Aziz, postgraduate candidate, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia. Email: hajar1216@gmail.com.

Biografi Ringkas Tokoh

Muhammad Uthman El-Muhammady telah dilahirkan pada tanggal 9 Februari 1943 di Kampung Telok, Panji, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim dalam sebuah keluarga yang sederhana.¹ Ayahnya Mohamad bin Musa (lahir 23 Disember 1920-29 Ogos 1984) merupakan seorang petani yang mengerjakan ladang dan tanaman sendiri sebagai punca pendapatan keluarga. Ibu bernama Mek Wok binti Awang Long (23 Mac 1927-13 Ogos 2002) seorang suri rumah. Walaupun hidup dalam keluarga yang sederhana, namun aspek pendidikan amat dititikberatkan oleh kedua orang-tuanya. Muhammad Uthman mempunyai dua orang adik beradik: Abdul Halim El-Muhammady, merupakan bekas Professor Madya di Jabatan Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Rafeah binti Mohamad, seorang suri rumah yang sekarang ini tinggal di Kelantan.

Anak beliau bercerita bahawa Muhammad Uthman pernah diberi pilihan oleh bapanya untuk memilih cangkul atau pensel sebagai penentu masa hadapan beliau. Namun Muhammad Uthman memilih pensel.² Pilihan ini membawa kepada suatu justifikasi yang tepat dan bermakna kepada jasa dan sumbangan beliau yang telah dicurahkan dalam bidang akademik dan keintelektualan khususnya dalam kemajuan pembudayaan ilmu di negara ini terutamanya ilmu agama.

Muhammad Uthman bersekolah di Sekolah Kebangsaan Seri Chempaka bagi ilmu asas membaca dan mengira di peringkat rendah. Beliau merupakan antara pelajar yang cemerlang dan mampu menguasai asas pembelajaran dengan baik. Seterusnya, beliau meneruskan pembelajarannya di Maktab Sultan Ismail dalam Special Malay Class yang terletak di Kota Bharu. Muhammad Uthman sudah mula membaca karya-karya berat seperti penulisan berbentuk aliran falsafah yang dikarang oleh Plato, Aristotle dan sebagainya semasa di peringkat menengah. Malah beliau telah mula menulis artikel-artikel berkaitan apa yang telah dipelajari dan didapati melalui aktiviti pembacaan beliau. Hasil-hasil penulisan ini kemudiannya dipamerkan di sekitar kawasan sekolah dan juga dimuatkan di dalam majalah keluaran sekolah tersebut. Setelah hampir lima tahun menimba ilmu di Maktab Sultan Ismail di Kelantan, Muhammad Uthman meneruskan pengajiannya di Kolej Sultan Abdul Hamid, Kedah. Kolej ini merupakan antara sekolah yang tertua di Malaysia. Ia ditubuhkan seawal tahun 1908 di Alor Setar dengan nama Government English School (G.E.S) dan ditukar kepada nama Sultan Abdul Hamid College pada tahun 1935 bersempena dengan nama Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Semangat, minat dan cinta terhadap pelbagai bidang ilmu semakin menguasai diri Muhammad Uthman pada ketika itu. Beliau sering menghabiskan wang saku untuk membeli buku. Semangatnya ini begitu tinggi sehingga mampu mendorong beliau untuk berbasikal dari kediamannya di Kelantan ke Kuala Lumpur semata-mata untuk memiliki buku Muhammad Iqbal, seorang sasterawan dan pemikir Pakistan. Kegigihan dan minat ini membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang mempunyai azam yang tinggi dan kukuh dengan pendiriannya terhadap ilmu.

Muhammad Uthman melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian Islam di Universiti Malaya walaupun beliau berlatarbelakangkan pendidikan Inggeris. Beliau mampu mendalami ilmu Islam dengan cemerlang dan rapat dengan Professor Mackeen Abd Majid yang berasal dari Sri Lanka serta gigih mendalami beberapa buah kitab besar seperti kitab-kitab yang dikarang oleh Imam Al-Ghazali (1058-1111). Imam Ghazali merupakan seorang ulama yang begitu disegani dengan pemikiran-pemikiran yang luar biasa. Beliau adalah ahli dalam pelbagai bidang termasuk falsafah, kesufian, pemikiran dan sebagainya. Oleh hal demikian, Muhammad Uthman El-Muhammady terinspirasi serta mendalami dan mengkaji aliran pemikiran Imam Al-Ghazali melalui karya-karya agungnya. Sejak itu, beliau mula merubah penampilan peribadinya melalui pendekatan kesufian sepertimana yang menjadi wadah pegangan Imam Al-Ghazali. Pada masa ini juga, kesedaran meningkat untuk membantu masyarakat Islam yang semakin hari, semakin terdedah dengan pelbagai aliran pemikiran yang merosak aqidah dan pegangan terhadap agama Islam itu sendiri. Disebabkan itu, beliau mula melibatkan diri dengan kerja-kerja dakwah khususnya kepada mahasiswa-mahasiswa yang berada di Universiti Malaya pada ketika itu.

Latar Belakang Kerjaya

Selepas berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 1963 Muhammad Uthman El-Muhammady berkhidmat sebagai tutor di Jabatan Pengajian Islam sambil menyiapkan Ijazah Sarjana.³ Di samping itu, beliau dan beberapa orang sahabat yang seangkatan dengan beliau menubuhkan sebuah pertubuhan dakwah yang dinamakan Al-Rahmaniah. Pertubuhan Al-Rahmaniah yang bermula pada tahun 1963

¹ Sharrul Rizal Hashim, (2006), *Direktori Penulis Timur*, Kota Bharu: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 78.

² Ahmad El-Muhammady, Temubual, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 18 November 2015.

³ _____ (2006), *Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan*, h. 528

merupakan kerjasama antara beberapa mahasiswa Universiti Malaya, Kolej Islam Malaya dan beberapa buah Institusi Perguruan yang ada di sekitar Lembah Klang ini (Zulkifli Dahalan: 2008, 134). Melalui gerak-kerja pertubuhan, Muhammad Uthman seringkali menulis artikel-artikel untuk dimuatkan dalam majalah yang dikeluarkan oleh Al-Rahmaniah secara berkala. Selepas menyelesaikan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya dari tahun 1969 hingga 1973. Ketika ini juga, Muhammad Uthman mula menulis kertas-kertas kerja bagi beberapa pembentangan.

Muhammad Uthman berpendapat bahwa pendekatan lain bagi mempertingkatkan dakwah Islamiah perlu dilakukan. Program-program berbentuk syarahan dan ceramah tidak memadai dari sudut jangka panjang, dan program-program pembinaan diri melalui amalan-amalan Islam perlu dipertingkatkan. Justeru, beliau sekeluarga pulang ke kampung halaman di negeri Kelantan.

Pada peringkat awal penglibatan Muhammad Uthman dalam bidang dakwah melalui kumpulan yang dipimpin oleh Abdullah Syarif yang berpusat di Kampung Tal Tujuh, Pasir Mas. Beliau yakin bahawa kumpulan atau jamaah ini mampu merealisasikan kehidupan masyarakat Islam yang sebenar. Ini berdasarkan corak pentadbiran yang sistematik dan tersusun. Mereka mempunyai sistem ekonomi yang tersendiri bagi menampung perbelanjaan yang mereka perlukan. Jamaah ini juga mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri bagi kesemua ahli yang mengikuti ajarannya. Walau bagaimanapun, Muhammad Uthman mendapati bahawa beberapa ajaran jamaah ini bercanggah dengan prinsip beliau. Justeru, beliau mula menjauhkan diri daripada jamaah tersebut dan mula menyebarkan keraguan ajaran yang diketuai oleh Abdullah Syarif ini melalui penulisan.

Pada tahun 2006, Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan secara rasmi memfatwakan bahawa ajaran kumpulan Abdullah Bin Mohammad Syarif Tal Tujuh, Pasir Mas adalah ajaran yang meragukan daripada ajaran Islam dari beberapa aspek seperti aspek aqidah dan syariah.⁴ Aktiviti dakwah beliau diteruskan melalui penulisan dan pengajaran kitab-kitab agama secara persendirian. Penulisan-penulisannya seringkali dipaparkan dalam akhbar-akhbar dan majalah yang diterbitkan di sekitar negeri Kelantan dan seluruh Malaysia. Beliau juga seringkali membenteng kertas-kertas kerja di seminar-seminar yang dianjurkan oleh badan kerajaan mahupun institut pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Muhammad Uthman pernah dilantik sebagai Anggota Jawatankuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta menjadi salah seorang daripada sidang pengarang Majalah Pengasuh.⁵

Selain itu juga, beliau dilantik sebagai Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia sejak tahun 1995 lagi dan dijemput untuk bersama-sama menjayakan dan merealisasikan agenda pengislamisasian program-program di negara ini. Sepanjang Muhammad Uthman menjalankan aktiviti dakwahnya di negeri Kelantan, beliau juga seringkali mendapat jemputan sebagai penceramah atau penasihat daripada seluruh Malaysia khususnya di ibu kota. Pada tahun 2003, Muhammad Uthman El-Muhammady didatangi oleh dua orang pegawai dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang membawa hajat untuk menjemput beliau kembali ke Kuala Lumpur sebagai pensyarah di universiti tersebut. Keterlibatan beliau dalam beberapa buah institusi agama sebelum ini berjaya membuka mata mereka untuk memanfaatkan kepakaran beliau demi kepentingan generasi akan datang. Jempuan itu disambut secara positif dan beliau berhijrah semula ke Kuala Lumpur.

Muhammad Uthman El-Muhammady dilantik sebagai Felo Amat Utama Akademik di Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (ISTAC) dan ia merupakan kehormatan yang tinggi terhadap seorang pemikir yang menyumbang terhadap aktiviti keintelektualan di negara ini. Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (ISTAC) ditubuhkan pada September 1987 oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ia ditubuhkan untuk mewujudkan institusi pascasiswazah yang berorientasikan penyelidikan. Kurikulum ISTAC meliputi isu-isu kontemporari Islam serta mengekalkan tumpuan utama ke atas pemikiran dan tamadun Islam.

Di samping itu, beliau turut dilantik sebagai anggota beberapa badan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam usaha merencanakan perkara-perkara yang menjadi agenda hala-tuju organisasi. Antara badan yang pernah dianggotai adalah seperti Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), dan Yayasan Karyawan Malaysia. Ini menunjukkan beliau seorang yang aktif dalam menyumbangkan buah fikiran dan kepakaran. Hasil penglibatan beliau dalam pelbagai organisasi ini, pelbagai anugerah berjaya diraih beliau antaranya adalah Pengijazahan Doktor Persuratan Kehormat dari Universiti Sains Malaysia, Anugerah Tokoh

⁴ Al-Ahkam, "Keputusan Muzakarah JK Fatwa: Kumpulan Tal Tujuh," 25-26 Julai 2006, dicapai 14 November 2015, <http://www.al-ahkam.net/home/content/keputusan-muzakarah-jk-fatwa-kumpulan-tal-tujuh>.

⁵ Ahmad Faisal Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid dan Faizuri bin Abdul Latif, (2013), "Pemikiran Islah Majalah Pengasuh Tahun 1918," *Jurnal Al-Tamaddun*, Vol. 8 h. 115-131.

Maal Hijrah 1426, Tokoh Cendiakiawan Islam Terbilang Malaysia, dan Darjah Kebesaran Persekutuan 2012 yang membawa gelaran Datuk.⁶ Muhammad Uthman El-Muhammady terus menetap di Kuala Lumpur dan menyumbang kepada dunia keintelektualan sehingga akhir hayatnya pada tahun 25 Mac 2013. Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan seorang yang rajin dan amanah. Beliau pernah diberi beberapa jawatan sepanjang keterlibatannya dalam dunia dakwah dan keintelektualan. Antara jawatan-jawatan tersebut adalah:⁷

1. Guru di Maktab Adabi, Kota Bharu, Kelantan (1974-1981)
2. Penulis dan pendakwah bebas
3. Pembicara Wacana Intelektual Ibnu Khaldun di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka
4. Pembentang wacana bulanan teks 'Al-Muqaddimah' anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
5. Menyertai rombongan Perdana Menteri Malaysia ke Rom menemui Pope pada tahun 2002
6. Fellow Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
7. Ahli Majlis Pemegang Amanah Yayasan Karyawan
8. Ahli Panel Penasihat Nadwah Persuratan Islam Malaysia (NAFIS)
9. Fellow Kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
10. Fellow Utama Akademik Institut Antarabangsa Pemikiran dan Ketamadunan Islam (ISTAC)
11. Editor pakar bagi menyemak terjemahan Inggeris Tafsir Pimpinan al-Rahman, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM)
12. Penyemak terjemahan kitab 'al-Muqaddimah' untuk Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sikap bersederhana dan tidak mementingkan kemewahan dunia merupakan suatu sifat yang sudah sebatian dengan diri Muhammad Uthman El-Muhammady. Sebagai seorang yang berpegang dan mengamalkan amalan kesufian, beliau begitu menitik-beratkan adab dan akhlak dalam kehidupan seharian. Seringkali tampil dengan imej berjubah dan berserban, beliau adalah seorang yang mudah didekati dan diterima oleh orang ramai.⁸

Jika dilihat dari imej luarannya, ramai yang menganggap beliau adalah seorang yang konservatif. Namun, anggapan ini meleset apabila mendengar hujah-hujah yang beliau sampaikan. Muhammad Uthman adalah seorang yang mendalam ilmu pengetahuannya dan mampu mengupas isu-isu semasa beserta huraian hukum-hakam serta prinsip agama yang berkaitan dengan begitu baik sekali. Oleh hal demikian, beliau sering menghadiri majlis-majlis dialog, forum dan seminar untuk menyampaikan dan membincangkan hujah-hujah yang menjadi pendirian beliau dalam sesuatu isu mahupun permasalahan.

Prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah

Prinsip amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan pegangan utama bagi seluruh masyarakat muslim di Malaysia. Ia bermaksud berpegang kepada aliran dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah; dalam akidah ia mengikut manhaj Imam Asy'ari dan Imam al-Maturidi, dalam Fiqh ia mengikut mazhab Imam al-Syafi'e dan meraikan mazhab-mazhab empat yang lain dengan tambahan-tambahan yang diperlukan dari segi keputusan-keputusan fatwa mengikut kaedah yang wajar dalam Ahli Sunnah. Manakala, dalam huraian berkenaan dengan akhlak dan kerohanian ia mengikut Imam al-Ghazali.⁹ Sistem pengetahuan dan panduan ilmu dalam Ahli Sunnah ini diikuti dengan baiknya dan mesti dipelihara. Muhammad Uthman sangat mementingkan hal ini kerana ia merupakan asas kepada pengenalan Islam yang sebenar. Bagi beliau, Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah sebuah kelompok yang berpegang kepada pemikiran yang diwarisi daripada Rasulullah s.a.w dari turun-temurun beserta disiplin ilmunya yang tersendiri. Oleh hal demikian, pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini perlu dijaga dan diamalkan bagi memerangi kemasukan idealisme-idealisme baru yang ingin menggoyahkan pegangan Aqidah Islamiyyah masyarakat muslim. Pelbagai penulisan yang telah beliau hasilkan berkaitan dengan prinsip ini beserta hujah-hujah bagi mematahkan serangan-serangan idealisme yang bertentangan dengan syariat Islam.

Pendidikan Agama dalam Keluarga¹⁰

Dalam kehidupan berumah tangga pula, Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan seorang suami dan ayah yang sangat bertanggungjawab terhadap keluarganya. Beliau berkahwin dengan Mariam Hussain pada 27 Zulhijjah 1385 dan dikurniakan 12 orang cahaya mata. Mereka adalah Khalidah, Muhammad Solah, Halim El-Muhammady, Nabilah, Hakimah, A'ishah, Fatimah, Asma', Ahmad El-Muhammady, Khadijah, Muhammad

⁶ "Senarai Penerima Darjah Kebesaran Persekutuan 2012 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong," dicapai 14 November 2015, http://www.istiadat.gov.my/v8/images/stories/4_PJN_TAHUN_2012.pdf.

⁷ _____ (2006), *Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan*, h. 533.

⁸ Mohd Shah Che Ahmad (2015), "Legasi Pemikir Hebat," laman sesawang Utusan Online, dicapai 15 Disember 2015, http://www1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20130411/ke_01/Legasi-pemikirhebat.

⁹ Dr. Muhammad 'Uthman El-Muhammady, (2011), h. 8.

¹⁰ Ahmad (2016), Op.Cit.

Khalid El-Muhammady dan Hafsah. Walaupun sibuk dengan aktiviti dakwah dan keilmuannya, beliau tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya. Beliau sendiri memilih untuk mengajar anak-anak pendidikan agama di kediamannya. Walaupun ada antara mereka yang tidak mendapatkan pendidikan berbentuk akademik, namun kesemua mereka dididik dengan ilmu agama yang mencukupi dan mampu membimbing diri dan keluarga masing-masing.

Muhammad Uthman sangat mementingkan budaya ilmu dalam rumahtangganya. Beliau tidak gemar menonton televisyen kerana bagi beliau, sesebuah rumah itu perlu diterangi dengan lampu untuk membaca kitab ataupun buku dan bukannya cahaya cerah daripada kaca televisyen. Oleh hal demikian, anak dan cucu beliau merupakan legasi yang menyambung usaha-usaha murni yang telah dilakukan oleh Muhammad Uthman untuk agama dan negara ini.

Penghormatan Masyarakat terhadap Muhammad Uthman El-Muhammady

Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan seorang yang mudah didekati oleh semua lapisan masyarakat baik para pemerintah, sahabat seperjuangan mahupun orang ramai yang dianggap sebagai anak-anak didiknya. Oleh hal demikian, terdapat beberapa coretan penghormatan daripada beberapa individu yang mengenali beliau didalam beberapa penulisan yang mengiktiraf kebaikan dan ketokohan beliau.

Laporan akhbar atas talian Sinar Harian bertarikh 26 Mac 2013 ada mencatatkan kata-kata penghormatan kepada Muhammad Uthman El-Muhammady dari Jamil Khir Baharom iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau berkata, pemergian Tokoh Maal Hijrah 2005 dan pakar dalam bidang pemikiran Islam, Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan satu kehilangan besar kepada dunia ilmuan Islam. Allahyarham merupakan seorang yang mudah didekati dan tidak lokek berkongsi ilmu.¹¹ Beliau disenangi oleh para pemimpin kerana pendekatan yang santun dalam menegur sesuatu perkara yang tidak selaras dengan syariah.

Menurut Sidek pada 2013 dalam laman sesawang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, beliau merupakan seorang penulis yang gigih dengan sumber rujukan yang pelbagai. Beliau sering menjadi pakar rujuk kerana penjelasannya adalah sangat jelas dan meyakinkan. Tidak hairanlah jika Muhammad Uthman El-Muhammady dianugerahkan pelbagai anugerah dalam bidang akademik kerana ketokohan dan kemampuannya dalam bidang akademik diakui oleh ahli akademik yang lain.

Analisa Sumbangan Penulisan

Data karya-karya berikut dikumpulkan melalui kajian perpustakaan. Selain itu juga, karya-karya ini dikenalpasti melalui senarai-senarai penulisan yang telah dicatat di dalam rujukan-rujukan utama mengenai beliau. Antaranya adalah buku Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah menyenaraikan sebahagian penulisan-penulisan beliau sehingga tahun 2005. Analisis ini dibuat berdasarkan hasil-hasil karya yang telah disenaraikan sebelum itu. Antara aspek-aspek yang dianalisis adalah seperti produktiviti mengikut jenis penulisan, jenis tema, Bahasa dan tahun.

Senarai Hasil Karya

Menurut kata-kata Ismail Mina, iaitu presiden pertubuhan MUAFAKAT dan juga merupakan rakan seperjuangan kepada Uthman El-Muhammady dalam bidang agama, beliau mengatakan bahawa Muhammad Uthman tidak banyak menulis buku. Namun, beliau banyak mencurahkan idea dan pemikirannya dalam bentuk kertas-kertas kerja yang dibentangkan mahupun artikel-artikel yang diterbitkan. Juteru, kajian ini mengumpulkan hasil karya tokoh dan penyenaian karya-karya beliau dilakukan untuk mengetahui jumlah sebenar yang telah dihasilkan. Antara hasil penulisan Muhammad Uthman El-Muhammady yang berjaya dikenalpasti adalah seperti berikut:

Penulisan Ilmiah


Penerbitan beliau terdapat dalam beberapa kategori sebagaimana dipaparkan dalam jadual dan rajah berikut:

¹¹ "Jamil Khir: Pemergian Muhammad Uthman kehilangan besar," laman sesawang Sinar Online, dicapai 15 Disember 2015, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/jamil-khir-pemergian-muhammad-uthman-kehilangan-besar-1.143242>.

Jadual 1. Bilangan Produktiviti Penulisan dalam Tempoh Masa Empat Dekad

	Buku	Bab Buku	Terjemahan	Suntingan	Disertasi	Artikel	Kertas Kerja	Jumlah
1970	2	2	0	0	1	2	7	14
1980	6	0	1	0	0	0	10	17
1990	1	3	1	1	0	1	13	20
2000	2	19	1	1	0	28	124	175

Rajah 1. Graf Perbandingan Bilangan Produktiviti Penulisan dalam Tempoh Masa Empat Dekad



Jadual dan graf tersebut menunjukkan jumlah produktiviti karya penulisan yang dihasilkan oleh Allahyarham mengikut dekad, bermula daripada tahun 70-an sehingga tahun 2012. Sepanjang hampir 4 dekad ini, beliau telah menulis sekurang-kurangnya 226 buah karya penulisan dalam pelbagai jenis bentuk penulisan.

Jika dilihat pola penghasilan penulisan beliau, produktiviti setiap dekad meningkat. Sekitar tahun 1970 sehingga tahun 1979, karya yang dihasilkan adalah sebanyak 14 buah penulisan. 14 buah karya ini termasuk sebuah disertasi Ijazah Sarjana yang beliau perolehi pada tahun 1969. Jumlah karya terus meningkat pada dekad seterusnya iaitu 17, 20 dan 175. Pada tiga dekad pertama, peningkatan hasil penulisan berlaku sekitar 3% secara konsisten. Manakala menjelang sekitar tahun 2000, peningkatannya berlaku secara mendadak melebihi 155 daripada dekad sebelumnya. Ia berlaku disebabkan beberapa faktor. Dr. Muhammad Uthman berhijrah ke Kuala Lumpur semula dan bergiat aktif dengan aktiviti dakwah dalam pelbagai medium termasuklah medium penulisan, beliau dilantik sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan juga dilantik menjadi Fellow Utama Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam. Jawatan yang disandang membolehkan beliau mengendalikan lebih banyak kajian dan penyelidikan.


Produktiviti Mengikut Jenis Penulisan

Analisis bahan-bahan yang dikumpulkan penulis mendapati bahawa penulisan beliau adalah pelbagai jenis. Sila rujuk analisis dalam bentuk jadual dan carta pai di bawah:

Jadual 2. Bilangan Karya Mengikut Jenis Penulisan

Jenis Penulisan	Bilangan
Buku	11
Bab Buku	24
Terjemahan	3
Editor	2
Disertasi	1
Kertas Kerja	154
Artikel	31
JUMLAH	226

Rajah 2. Carta Peratusan Karya Berdasarkan Jenis Penulisan



Jadual dan carta pai di atas menunjukkan bilangan karya penulisan Dr Muhammad Uthman El-Muhammady mengikut jenis penulisan yang dilakukan seperti, buku, bab buku, artikel, disertasi dan sebagainya. Jika dilihat pada graf tersebut, penulisan beliau kebanyakannya berbentuk kertas kerja yang dibincangkan di dalam persidangan, seminar, forum dan majlis-majlis ilmu yang seangkatan dengannya. Data ini membuktikan kenyataan Ustaz Ismail Mina bahawa Dr Muhammad Uthman tidak banyak menulis buku tetapi banyak menulis kertas-kertas kerja pembentangan adalah benar. Sebanyak 68% daripada karya penulisan beliau adalah berbentuk kertas kerja. Diikuti dengan artikel sebanyak 14%, bab buku sebanyak 11 %, buku sebanyak 5% dan selebihnya 1%.

Hal ini disebabkan kerana jawatan yang disandang ketika itu memerlukan keterlibatan beliau dalam membentangkan kertas-kertas kerja ini. Selain itu juga, ia berhubung dengan visi dan misi yang beliau perjuangkan dalam bidang agama. Justeru, beliau menyelidik dan mendedahkan semula khazanah pemikiran ilmiah ini dalam bentuk kertas-kertas kerja supaya dapat dibincangkan bersama-sama.


Produktiviti Mengikut Tema Penulisan

Berikut adalah analisis sumbangan penulisan beliau berdasarkan tema.

Jadual 3. Bilangan Karya Berdasarkan Pemilihan Tema Penulisan

Jenis Tema	Bilangan
Akhlak dan Tasawwuf	34
Aqidah	23
Dakwah dan Pembangunan	6
Falsafah dan Pemikiran	21
Fiqh dan Isu-isu Semasa	16
Islam dan Al-Quran	22
Keseniaan dan Kesusasteraan	8
Pendidikan	17
Peradaban dan Ketamadunan	38
Politik dan Pentadbiran	24
Sains dan Teknologi	7
Tokoh Ilmuan	10
Jumlah	226

Rajah 3. Graf Perbandingan Bilangan Karya Mengikut Tema Pilihan



Jadual dan graf di atas merujuk beberapa tema yang menjadi tajuk yang dibincangkan dalam penulisan-penulisan yang dihasilkan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady. Peradaban dan ketamadunan menjadi tema pilihan utama beliau dalam kebanyakan penulisannya. Berdasarkan tema-tema yang diklasifikasikan di atas, ia menunjukkan bahawa beliau telah menulis dalam pelbagai cabang ilmu agama. Ini membuktikan bahawa beliau menguasai pelbagai ilmu seperti aqidah, fiqh, falsafah dan sebagainya. Beliau mampu mengeluarkan hujah dan pendapat sendiri dan dibincangkan dengan yang lain dalam pembentangan-pembentangan yang beliau hadiri. Ini menunjukkan keterbukaan dan keberanian beliau untuk sama-sama membincangkan idea-idea yang dilontarkan.

Keupayaan Muhammad Uthman El-Muhammady dalam bidang akademik tidak disangkal lagi apabila ramai yang mengiktiraf beliau dalam pelbagai bentuk. Beliau seringkali dijemput untuk menganggotai pertubuhan-pertubuhan intelektual untuk berkerjasama seperti Ahli Majlis Pemegang Amanah Yayasan Karyawan dan Ahli Panel Penasihat Nadwah Persuratan Islam Malaysia (NAFIS). Selain itu juga, beliau berjaya meraih anugerah Kehormat Ijazah “Honoris Causa” Doctor of Letters” (D.Litt) dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1995. Kehormatan-kehormatan ini menunjukkan beliau seorang yang berilmu dan dipercayai masyarakat.


Bilangan Penulisan Mengikut Bahasa

Berikut adalah analisis penulisan beliau mengikut kategori bahasa. Beliau menulis dalam tiga bahasa utama. Sila rujuk jadual dan rajah berikut:

Jadual 4. Bilangan Penulisan Mengikut Bahasa yang Digunakan

Bahasa	Bilangan
Melayu	166
Inggeris	59
Arab	1
Jumlah	226

Rajah 4. Graf Bilangan Penulisan Berdasarkan Bahasa yang Digunakan



Jadual di atas menunjukkan beliau mahir dalam ketiga-tiga Bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Penulisan dalam Bahasa Melayu merupakan bilangan yang tertinggi dalam penulisan beliau dan bahasa Arab paling rendah. Walaupun karya penulisannya dalam Bahasa Arab hanya satu yang dijumpai, ini tidak bermakna beliau tidak bagus dalam Bahasa Arab. Hal ini kerana, beliau dikenali sebagai seorang yang baik penguasaannya dalam Bahasa Arab sehingga mampu menterjemahkan beberapa kitab Arab seperti Fathul Mu'in ke Bahasa Melayu. Bahasa Melayu mendapat tempat yang tertinggi kerana beliau aktif berdakwah kepada orang Malaysia berbanding orang luar.

Berlatarbelakang sekolah Inggeris pada waktu persekolahan dahulu dan sering membaca karya-karya barat, Muhammad Uthman mampu menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Beliau seringkali menghadiri forum dan persidangan antarabangsa di seluruh dunia. Beliau juga pernah dijemput untuk menyertai rombongan Perdana Menteri Malaysia ke Rom menemui Pope pada tahun 2003. Oleh itu, terdapat juga kertas-kertas kerja dan artikel yang beliau hasilkan dalam Bahasa Inggeris.

Karya Sastera

Selain penulisan berbentuk ilmiah, Muhammad Uthman El-Muhammady juga telah menulis beberapa buah karya berbentuk puisi atau sajak. Antaranya adalah sebagaimana berikut:

1. Puisi 'Kembara Ke Sufi Hamzah Fansuri' yang dideklamasikan di Seminar tentang Hamzah Fansuri di Indonesia tahun 2002
2. Puisi 'Mari Membina Ekonomi Umat' dideklamasikan dalam Minggu Membangun Ekonomi Umat, 2002
3. Puisi 'Gugurnya Sebuah Bintang (Maulana Abul-Hasan Ali Al-Nadawi)' dideklamasikan di Forum Tokoh Islam Maulana Abul-Hasan Ali al-Nadawi, 2002
4. 'Mari Bersatu untuk Palestin', Karnival Bersama Hayati Keindahan Islam, 2002
5. 'Sebuah Lagu Merdu dari Tunis', Wacana Intelektual Ibnu Khaldun, 2002
6. 'Here I Stand', Malam Ambang Merdeka Putrajaya, 2004

Kesimpulan

Sumbangan tokoh ini dalam bidang penulisan membuktikan bahawa tradisi ulama yang meninggalkan karya-karya ilmiah masih diwarisi sehingga abad ke 21. Penulisannya adalah signifikan dalam pelbagai bidang berdasarkan tema-tema yang telah dihasilkan oleh beliau. Data-data kuantitatif yang dipaparkan dalam bentuk jadual, graf dan carta menunjukkan dengan jelas sumbangan penulisan yang bernilai. Malah perjuangan beliau meninggalkan kesan yang mendalam sebagaimana diakui oleh menteri di Jabatan Perdana Menteri misalnya. Kajian lanjut boleh dilakukan oleh penyelidik akan datang dalam beberapa aspek seperti impak pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady, dan, Manhaj dan Cabaran dakwah Muhammad Uthman Muhammad.

Rujukan

Abdullah Alwi (1999), "Sumbangan Para Ilmuan Muslim dalam Pembinaan Negara di Malaysia," makalah, Seminar Kepimpinan Islam Serantau, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Jun 1999.

Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan, (2006), Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Faizuri bin Abdul Latif (2013) "Pemikiran Islah Majalah Pengasuh Tahun 1918," *Jurnal Al-Tamaddun*, Vol. 8, 115-131.

Ismail Ibrahim (2004), *Isu Islam Semasa*, Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.

Mohd Shah Che Ahmad (2015), "Legasi Pemikir Hebat," laman sesawang Utusan Online, dicapai 15 Disember 2015. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20130411/ke_01/Legasi-pemikirhebat.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady (2011), *Ahli Sunnah Wal Jamaah Penyerapan Unsur-Unsur Akidah yang Mengelirukan dalam Masyarakat Islam di Malaysia*, Johor Bharu: Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Muhammad Uthman El-Muhammady (2008), "Building the Human Capital in the 'Malakah' Concept of Ibnu Khaldun: A Historical Study Based on His Muqaddimah," *Jurnal Hadhari*

Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 13 (2), 2018, 55-64

Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung Yayasan Karyawan, (2005), Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
Roshah Al Mizan Bin Suhaimi (2005) "Institut Kefahaman Islam Malaysia (I.K.I.M): Sejarah Penerbitan dan Aktivitinya," latihan ilmiah, Universiti Malaya.

Saifuddin Abdullah (2013), *Memacu Transformasi* Kuala Lumpur: Grup Buku Karang kraf Sdn. Bhd.

Sharrul Rizal Hashim (2006), *Direktori Penulis Timur* Kota Bharu: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Dahalan (2008) "Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan yang Pernah Dimainkan dalam Aktiviti-aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia," *Esteem Academic Journal*, Vol. 4, no.2, 133-150.

Laman Sesawang

http://www.istiadat.gov.my/v8/images/stories/4._PJN_TAHUN_2012.pdf

<http://www.al-ahkam.net/home/content/keputusan-muzakarah-jk-fatwa-kumpulan-tal-tujuh>

<http://www2.iium.edu.my/istac/about-us/historical-background>

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/jamil-khir-pemergian-muhammad-uthman-kehilangan-besar-1.143242>

<http://www.yadim.com.my/v2/?s=muhammad+uthman+el-muhammady>

Temubual

Ahmad El-Muhammady Fellow Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dalam temubual dengan penulis, 18 November 2015.